

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

KAJIAN PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

DAPATKAH PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH
DI KUALA LUMPUR MEMENUHI KEPERLUAN
BUMIPUTRA BERPENDAPATAN RENDAH

OLEH:

WAN HAMAT B. SAPEE

MOHD JAAFAR SULAIMAN

NOOR AINUN ABDULLAH

RAJA NOORAINI RAJA AHMAD

ZAINAH ABDULLAH

ZULKIFLY DAUD

DISEDIAKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA

KEPERLUAN UNTUK MENDAPATKAN

DIPLOMA PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN.

JULAI 1987

KANDUNGAN

Muka Surat

PRAKATA.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
BAB 1 : 1.0	Pengenalan.....1
1.1	Latar Belakang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.....3
1.2	Kegiatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.....4
1.3	Rumah Kos Rendah.....r. 8
1.4	Lokasi Perumahan Kos Rendah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.....10
1.5	Penyata Masalah.....11
1.6	Objektif Penyelidikan.....12
1.7	Hipotesis Kaji selidik.....13
1.8	Skop Dan Pembatasan.....13
BAB 2 : 2.0	ULASAN DARI BAHAN PENERBITAN.....15
2.1	Perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah.....15
2.2	Pasaran Rumah Kos Rendah.....17
2.3	Masalah dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah.....20

BAB 3	:	3.0	KAEDAH KAJISELIDIK (METHODOLOGY)...	23
		3.1	Data Utama (Primary Data).....	23
		3.2	Data Sekundar (Secondary Data).....	24
		3.3	Rekabentuk Soalan Kajiselidik (Questionnaire Design).....	25
		3.4	Ujian Percubaan Kajiselidik (Pilot Testing).....	26
		3.5	Saiz Sampel.....	27
		3.6	Temubual dengan Responden..... (Interview)	33
		3.7	Kerja-Kerja Luar..... (Field work)	34
		3.8	Analisa Penemuan.....	34
		3.9	Definasi yang digunakan di dalam kajiselidik.....	86
BAB 4	:	4.0	PENEMUAN KAJIAN DAN ANALISA DATA.....	38
		4.1.0	Penemuan Secara Keseluruhan.....	38
		4.1.1	Maklumat Terhadap Latar Belakang Responden.....	38
		4.1.2	Kesedaran Terhadap rumah kos rendah di Kuala Lumpur.....	47
		4.2	Penemuan Kajian Mengikut Tujuan Kajiselidik.....	51
		4.2.1	Samada rumah kos rendah dapat memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah.....	52
		4.2.2	Masalah golongan yang berpendapatan rendah	58

PENGHARGAAN

Kami rasa bersyukur kerana telah diberi kemampuan untuk menyiapkan kajiselidik ini. Melalui ruangan ini, kami mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

1. Encik Yeop Husin Bidin - Pensyarah dan Pemeriksa
2. Encik Mohd Faudzi - Penasihat Kumpulan
3. Encik Khairuddin Othman - Pemeriksa

yang telah membimbing kami melalui kuliah-kuliah, memberi kerjasama dalam menjalankan kajiselidik dan menyediakan laporan ini, serta memberikan tunjukajar, pandangan dan nasihat di sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Kami juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terutamanya kepada :-

1. Encik Ismail Stapa
Penolong Pengarah
Pendaftaran & Peruntukan
Bahagian Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

1.0 PENGENALAN

Rumah adalah satu daripada keperluan asas. Di dalam konteks Kuala Lumpur, keperluan ini bukannya sekadar untuk tempat berteduh. Ianya adalah keperluan untuk mempunyai sebuah rumah yang selesa, sebuah kediaman yang dimiliki sendiri dan terletak di persekitaran yang nyaman.

Penyediaan rumah bukan sahaja memberi tempat kediaman, tetapi juga menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti tempat beribadat, pendidikan dan jalinan susunatur yang boleh membentuk satu masyarakat.¹

Permintaan ke atas rumah awam kos rendah telah meningkat akibat pertambahan penduduk, keadaan ekonomi rakyat yang semakin bertambah baik, rumah usang yang perlu diganti baru serta mengurangkan kawasan-kawasan setinggan yang tumbuh bagaikan cendawan.

Di dalam Rancangan Malaysia Keempat, sasaran pembinaan sebanyak 923,300 unit, tetapi hanya 266,500 unit rumah kos rendah telah dilaksanakan.²

¹ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Peranan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Dalam Penyediaan Kemudahan Perumahan, Kertais kerja, 30hb. Mac 1987.

² Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kuala Lumpur. Garis Panduan dan Strategi Perlaksanaan Rumah Awam Kos Rendah Di Dalam Rancangan Malaysia ke 4.